# SUDUT PAK-21

**Gallery Walk**

| | |
|---|---|
| **Bab 1** | Pengenalan kepada Ekonomi |
| **Subtajuk** | Konsep Kekurangan, Pilihan dan Kos Lepas |
| **Standard pembelajaran** | • Menjelaskan konsep kekurangan dan pilihan berasaskan sumber ekonomi terhad dan kehendak manusia tidak terhad.<br>• Menilai implikasi pilihan yang dibuat oleh individu, kerajaan atau masyarakat dari aspek kos lepas dengan menggunakan contoh. |
| **Persiapan awal** | Sediakan kertas soalan, kertas sebak dan pen penanda. |
| **Objektif** | Membantu murid untuk memahami dan menyelesaikan masalah berkaitan konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas berdasarkan situasi yang diberi. |
| **Aktiviti** | **1.** Guru membahagikan murid-murid kepada lima atau enam kumpulan (jumlah ahli bergantung kepada bilangan murid dalam kelas).<br>**2.** Guru mengedarkan kertas soalan yang menunjukkan masalah kekurangan yang dihadapi dalam ekonomi kepada setiap kumpulan.<br>**3.** Guru juga mengedarkan kertas sebak dan pen penanda kepada setiap kumpulan.<br>**4.** Guru memberikan masa 15 minit untuk setiap kumpulan melaksanakan tugasan dengan berbincang dalam kumpulan masing-masing bagi mencari pilihan terbaik dan kos lepas yang wujud untuk masalah kekurangan tersebut.<br>**5.** Ketua kumpulan akan menulis idea-idea ahli kumpulan pada kertas sebak.<br>**6.** Setelah selesai, hasil kumpulan akan ditampalkan pada sudut kelas.<br>**7.** Ahli kumpulan lain akan bergerak untuk melihat hasil kerja kumpulan lain manakala ketua kumpulan menjelaskan hasil perbincangan dan menjawab soalan daripada ahli kumpulan lain.<br>**8.** Guru akan memberi komen dan membuat rumusan berkaitan hasil perbincangan setiap kumpulan.<br>Contoh soalan:<br>(a) Syarikat Wira Berhad mempunyai modal sebanyak RM500 000 dan bercadang untuk membuka sebuah kedai buku atau restoran makanan segera.<br>Bagaimanakah Syarikat Wira Berhad menyelesaikan masalah di atas?<br>(b) Kerajaan negeri Pahang mempunyai peruntukan sebanyak RM1.5 juta dan bercadang untuk membina sebuah dewan serbaguna atau membina kompleks sukan.<br>Bagaimanakah kerajaan negeri Pahang menyelesaikan masalah di atas?<br>(c) Seorang pelajar mempunyai wang saku sebanyak RM15 dan perlu membuat keputusan sama ada menggunakan wang tersebut untuk menonton wayang atau membeli majalah sukan.<br>Bagaimanakah pelajar tersebut menyelesaikan masalah di atas? |

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

# SUDUT PAK-21

## Find the Fib

| | |
|---|---|
| **Bab 2** | Pasaran |
| **Subtajuk** | Keseimbangan Pasaran |
| **Standard pembelajaran** | Menjelaskan konsep keseimbangan pasaran. |
| **Persiapan awal** | Sediakan kad kecil atau kertas kosong. |
| **Objektif** | Membantu murid untuk memahami konsep keseimbangan pasaran dengan baik. |
| **Aktiviti** | **1.** Murid-murid dibahagikan kepada kumpulan kecil yang mempunyai empat hingga lima orang.<br>**2.** Guru menyediakan kad untuk diedarkan kepada murid-murid.<br>**3.** Setiap murid dalam kumpulan diminta menulis tiga penerangan tentang sesuatu konsep yang dipelajari di mana dua penerangan adalah betul dan satu penerangan adalah salah dalam kad.<br><br>Contoh pernyataan:<br><br>1. Keseimbangan pasaran berlaku apabila kuantiti diminta sama dengan kuantiti ditawarkan.<br>2. Sesuatu pasaran mencapai keseimbangan apabila keluk permintaan bersilang dengan keluk penawaran.<br>3. Pada tingkat keseimbangan, berlaku lebihan penawaran pasaran.<br><br>Berdasarkan contoh di atas, ayat pertama dan ayat kedua adalah betul manakala ayat ketiga adalah salah.<br><br>**4.** Setelah semua kumpulan menyediakan tugasan, murid-murid perlu mengambil giliran membaca tugasan yang disediakan oleh kumpulan lain.<br>**5.** Kemudian, murid-murid perlu menjawab dan kemukakan alasan mengapa penerangan itu salah.<br>**6.** Aktiviti ini berjalan sehingga semua tugasan selesai dijawab. |

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

# SUDUT PAK-21

**Rotating** **Review**

| | |
|---|---|
| **Bab 3** | Wang, Bank dan Pendapatan Individu |
| **Subtajuk** | Pendapatan Individu |
| **Standard pembelajaran** | Menjelaskan jenis-jenis pendapatan individu iaitu upah, sewa, faedah, untung, dividen dan bayaran pindahan. |
| **Persiapan awal** | Sediakan kertas sebak dan pen penanda. |
| **Objektif** | Membantu murid mengulang kaji dan memahami pelbagai jenis pendapatan individu yang dipelajari. |
| **Aktiviti** | **1.** Guru memilih topik yang hendak diulaskan. Topik ini mestilah topik yang telah dipelajari sebelum ini. Contohnya, jenis-jenis pendapatan individu.<br>**2.** Guru meletakkan satu jenis pendapatan individu (upah, sewa, faedah, untung, dividen dan bayaran pindahan) dalam setiap kertas sebak yang diletakkan dalam kelas secara berasingan.<br>**3.** Guru membahagikan murid-murid kepada enam kumpulan kecil (jumlah ahli bergantung kepada bilangan murid dalam kelas). Setiap kumpulan berdiri dekat setiap kertas sebak.<br>**4.** Guru memberikan masa satu minit untuk menulis apa yang mereka faham tentang konsep dalam kertas tersebut. Setelah tamat satu minit, kumpulan itu bergerak ke kertas sebak yang lain.<br>**5.** Dalam pusingan kedua, setiap kumpulan diberi masa dua minit untuk bincang dan tambah maklumat dalam kertas sebak berkenaan. Ulang sehingga mereka balik kepada kertas sebak yang asal.<br><br>Contoh: Jenis-jenis pendapatan individu:<br><br>**Upah** **Sewa** **Faedah**<br><br>**Untung** **Dividen** **Bayaran pindahan** |

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

# SUDUT PAK-21

**Gallery Walk**

| | |
|---|---|
| **Bab 4** | Pengeluaran |
| **Subtajuk** | Produktiviti dan Eksternaliti |
| **Standard pembelajaran** | Menilai kos sosial dan faedah sosial berdasarkan contoh yang sesuai. |
| **Persiapan awal** | Sediakan kertas putih, *sticker note* dan pen penanda. |
| **Objektif** | Membantu murid untuk memahami kos sosial dan faedah sosial yang timbul daripada tindakan manusia yang berbeza. |
| **Aktiviti** | **1.** Guru membahagikan murid-murid kepada enam kumpulan dengan setiap kumpulan terdiri daripada empat hingga enam orang murid.<br>**2.** Guru mengedarkan sampul yang mengandungi pelbagai contoh tindakan yang membawa kepada kos sosial dan faedah sosial.<br>**3.** Guru juga mengedarkan kertas putih dan pen penanda kepada setiap kumpulan serta *sticker note* kepada setiap murid.<br>**4.** Guru memberikan masa 15 minit untuk setiap kumpulan melaksanakan tugasan dengan berbincang dalam kumpulan masing-masing.<br>**5.** Ketua kumpulan akan menulis idea-idea ahli kumpulan pada kertas putih.<br>**6.** Selepas siap, hasil kumpulan akan ditampalkan pada sudut kelas.<br>**7.** Ahli kumpulan lain akan bergerak dari satu hasil kerja ke hasil kerja lain dan dibenarkan menulis komen pada *sticker note* dan menampal di atas hasil kerja kumpulan lain.<br>**8.** Guru akan memberi komen untuk hasil kerja murid.<br><br>Contoh soalan:<br>Kenal pasti kos sosial dan faedah sosial yang timbul daripada tindakan manusia di bawah:<br>(a) Pembinaan lapangan terbang di kawasan yang berhampiran perumahan<br>(b) Pembinaan hospital<br>(c) Pertambahan kemudahan bas awam<br>(d) Penebangan pokok<br>(e) Pembinaan taman permainan<br>(f) Pembinaan lebuh raya di bandar |

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd